



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERKAITAN ORIENTASI MATLAMAT DAN MOTIF PENGLIBATAN ATLET BAWAH 18 TAHUN, 15 TAHUN DAN 12 TAHUN DALAM SUKAN OLAHRAGA

DANIEL HEDWIG CHEW @
DANIEL LAWRENCE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERKAITAN ORIENTASI MATLAMAT DAN
MOTIF PENGLIBATAN ATLET BAWAH
18 TAHUN, 15 TAHUN DAN 12 TAHUN
DALAM SUKAN OLAHRAGA**

**DANIEL HEDWIG CHEW @
DANIEL LAWRENCE**

M20061000027



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	vi
BAB I PENGENALAN	1
1. Pendahuluan	1
2. Penyataan Masalah	6
3. Tujuan / Objektif Kajian	7
4. Persoalan Kajian	8
5. Kepentingan Kajian	9
6. Limitasi Kajian	10
7. Definsi Operasional	10
BAB II SOROTAN LITERATUR	
1. Sorotan Literatur	13
2. Teori Orientasi Matlamat	14
3. Teori Motif Penglibatan	16
4. Motivasi	17
4.1 Motivasi Pencapaian	18
4.2 Motivasi Keyakinan Diri	20
5. Kajian Lampau	23
6. Kajian Berkaitan Luar Negara	25
7. Kajian Berkaitan Dalam Negara	28
8. Rumusan	29

BAB III METODOLOGI KAJIAN

1. Pengenalan	30
2. Rekabentuk Kajian	30
3. Instrumen Kajian	31
4. Pembolehubah Kajian	34
5. Persampelan Kajian	35
6. Lokasi Kajian	35
7. Prosedur Kajian	36
8. Penganalisan Data	37

BAB IV DAPATAN KAJIAN

1. Pengenalan	39
2. Analisis Data	40
3. Nilai Kebolehpercayaan	40
4. Corak Orientasi Matlamat	41
5. Motif Penglibatan	43
6. Perkaitan Di Antara Corak Orientasi Matlamat Dengan Motif Penglibatan	44

BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

1. Pengenalan	47
2. Perkaitan Di Antara Corak Orientasi Matlamat Dengan Motif Penglibatan Atlet Olahraga Bawah 18 Tahun, 15 Tahun dan 12 Tahun	48
3. Kesimpulan	52

BIBLIOGRAFI	54
-------------	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAMPIRAN A

Borang Soal Selidik

LAMPIRAN B

Surat Akuan / Consent Form

LAMPIRAN C

Jadual Analisis SPSS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

20 April, 2007

DANIEL HEDWIG CHEW @ DANIEL LAWRENCE



M20061000027



PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Shahrudin Abdul Aziz, selaku penyelia saya yang telah banyak membantu dan memberi idea-idea yang tidak terhingga nilainya. Beliau bukan sahaja memberi idea, malah telah banyak memberi bimbingan, panduan, galakan dan dorongan sehingga saya berjaya menyiapkan kajian ini walaupun kekangan dari segi masa dan jarak yang dihadapi. Beliau juga sentiasa sanggup meluangkan masa untuk memberi komen dan cadangan-cadangan yang bernas.

Penghargaan juga diberikan kepada Prof. Madya Dr. Jabar Hj. Johari, Dr. Ahmad Hashim, Dr. Ong Kuan Boon, Dr. Sani B. Maadon dan Dr. Julismah Jani, pensyarah yang pernah membimbing saya dalam Program Eksekutif Sarjana Pendidikan sesi



2005-2007.



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang lain di atas buah fikiran yang telah diberikan. Tidak lupa juga penghargaan untuk semua responden yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Dan akhir sekali rakaman penghargaan ini ditujukan kepada isteri saya Ivy Peter kerana doa, sokongan, pengorbanan yang sentiasa membantu serta memahami kesibukan saya dalam usaha menyiapkan kajian ini. Begitu juga anak-anak saya, Aidan Andrew dan Divina Lisa serta ahli keluarga yang lain kerana sentiasa menjadi dorongan untuk menyiapkan disertasi ini. Terima kasih kerana memahami dan atas pengorbanan kalian.

Terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bagi melihat perkaitan di antara orientasi matlamat dan motif penglibatan atlet olahraga bawah 18 tahun, 15 tahun, dan 12 tahun di daerah Tambunan Sabah yang menyertai Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Gabungan Keningau Kali Ke-40 Tahun 2007 iaitu seramai 106 di mana 45 atlet 18 tahun ke bawah, 41 atlet 15 tahun ke bawah dan 20 lagi atlet 12 tahun ke bawah. Kajian ini menggunakan "Task and Ego Orientations Questionnaire (Duda & Whitehead, 1998)" yang terdiri dari orientasi tugasan dan ego serta "Participation Motivation Inventory (Gill, Gross & Huddleston, 1983)" yang mengandungi lapan factor motivasi iaitu pencapaian/status, suasana berpasukan, kecergasan, keseronokan, rakan-rakan, penggunaan tenaga perkembangan kemahiran dan faktor lain. Hasil analisis data mendapati wujud perhubungan yang signifikan antara orientasi matlamat tugasan dengan motif penglibatan faktor kecergasan ($r = .19$, $p > 0.01$) dan kemahiran ($r = .29$, $p > 0.05$). Bagi corak orientasi matlamat ego pula didapati tidak wujud sebarang perhubungan yang signifikan antara corak orientasi matlamat dengan kesemua sembilan motif penglibatan. Dapatan menunjukkan atlet yang mempunyai corak orientasi matlamat tugasan yang tinggi akan lebih bermotivasi melibatkan diri dalam sukan olahraga disebabkan atlet tersebut akan berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan tahap kecergasan dan kemahiran dan seterusnya memperolehi kejayaan yang mana boleh membawa kepada penghargaan dan status. Dapatan kajian dapat memberi maklumat kepada para pentadbir sukan untuk merangka program aktiviti fizikal sesuai dengan kehendak dan tuntutan para pelajar sekolah agar mereka terus melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan seterusnya mengurangkan masalah sosial.





ABSTRACT

The purpose of this study was to investigate the goal orientations and participation motives of athletes under 18, 15 and 12 in Tambunan who participates in the 40th Keningau Sport Council Track and Field Meet, 2007. The participants of this study were 106 athletes (N=106). They were divided into three age groups under 18 (N=45), under 15 (N=41) and under 12 (N=20). The Task and Ego Orientations Questionnaire (Duda & Whitehead, 1998), composing task and ego orientations and The Participation Motivation Inventory (Gill, Gross & Huddleston, 1983), composing nine motivational factors: Achievement/ Status, Team Atmosphere, Fitness, Fun, Friends, Energy Release, Skill Development and Miscellaneous, were utilized to measure the participation motives and the goal orientations respectively. Data analysis results showed that there is significant relationship between task orientation and participation motives factor, fitness ($r = .19$, $p > 0.01$) and skill development ($r = .29$, $p > 0.05$), but there is no significant relationship between ego orientation and all the nine motivational factors. This mean, that athletes with higher task orientation are more motivated to participate in athletics due to hard working factor to improve skills and achievement of healthy lifestyles. As a result, athletes with higher task orientation, are more motivated to participate in sport. The results of this study provide more information for the physical activity leaders to design physical activity programs for school children for continuing participation in sport thus reducing social problems..



**SENARAI JADUAL****Jadual****muka surat**

- | | |
|---|----|
| 1. Jadual 3.1 : Item Soalan | 32 |
| 2. Jadual 3.2 : Sampel Kajian | 35 |
| 3. Jadual 4.1 : Min dan Sisihan Piawai Corak Orientasi Matlamat
Atlet Olahraga Daerah Tambunan Mengikut Kategori
Umur | 41 |
| 4. Jadual 4.2 : Anova Sehala Perbezaan Corak Orientasi Matlamat
Atlet Olahraga Daerah Tambunan Mengikut Kategori
Umur | 42 |
| 5. Jadual 5.1 : Min dan Sisihan Piawai Motif Penglibatan Atlet
Olahraga Daerah Tambunan Mengikut Kategori Umur | 44 |
| 6. Jadual 6.1 : Analisis Korelasi Orientasi Matlamt Dengan Motif
Penglibatan Atlet Mengikut Umur (Korelasi Pearson) | 45 |
| 7. Jadual 6.2 : Analisis Keseluruhan Korelasi Orientasi Matlamat
Dengan Motif Penglibatan Atlet (Korelasi Pearson) | 46 |





BAB 1

PENDAHULUAN



1. Pengenalan

Sukan merupakan satu wadah sosialisasi iaitu satu proses di mana anggota masyarakat saling berkomunikasi dan berinteraksi di antara satu sama lain serta menentukan peranan yang dimainkan oleh setiap anggota masyarakat untuk menjadi ahli masyarakat tersebut.

Mengenali corak orientasi matlamat penyertaan seseorang akan dapat memberi gambaran jelas terhadap tahap penyertaan seseorang remaja dalam aktiviti sukan. Menurut Gill (2000), corak orientasi matlamat adalah bergantung kepada bagaimana seseorang itu mendefinisikan kejayaanya. Individu yang mempunyai matlamat tugas akan lebih tertumpu untuk menguasai sesuatu kemahiran sementara



individu yang berorientasikan ego akan menganggap ia telah berjaya sekiranya dapat mengalahkan individu lain.

Kejayaan dalam bidang sukan bergantung kepada pelbagai faktor. Antaranya termasuklah faktor persediaan fizikal, pemakanan, mental, pengurusan dan kesihatan atlet. Dari sudut mental, kemampuan atlet mencipta kejayaan dalam bidang sukan seringkali dikaitkan dengan tahap dan orientasi motivasi atlet (Duda & Nicholls, 1985; Shaharudin Abd Aziz, 1998).

Kejayaan yang dicapai oleh beberapa atlet negara di persada antarabangsa buat masa ini seperti Shalin Zulkifli dari sukan boling, Bryan N. Lomas, dan terkini iaitu ratu skuasy negara, Nicole Ann David, yang berjaya menjuarai kejohanan Skuasy Dunia sekaligus mengesahkan kedudukan beliau di ranking nombor satu dunia, membuktikan bahawa wujudnya perkaitan di antara sokongan moral keluarga, keinginan untuk menjadi juara (orientasi motivasi atlet), peningkatan kemahiran, faktor motivasi sama ada intrinsik mahu pun faktor ekstrinsik serta usaha gigih atlet dengan pencapaian dalam sukan.

Kajian yang melihat perkaitan di antara tahap motivasi atlet dan kejayaan dalam bidang sukan menghasilkan berbagai keputusan yang menarik. Secara umumnya, kajian di kalangan atlet yang berusia di bawah 15 tahun menunjukkan kejayaan dalam bidang sukan seringkali dikaitkan dengan motivasi diri yang berorientasikan tugas (Duda & Whitehead, 1998). Sementara itu, atlet yang berorientasikan ego pula seringkali dikaitkan dengan kegagalan serta tindakan menarik diri dari aktiviti sukan (Duda & Whitehead, 1998). Bagi atlet remaja pula, dapatan kajian menunjukkan kejayaan dalam bidang sukan dikaitkan dengan kedua-



dua corak orientasi matlamat atlet. Dapatan yang berbeza ini boleh dikaitkan dengan jenis sukan yang diceburi olah atlet yang dikaji.

Menurut Duda (1989), orientasi tugas berkait rapat dengan usaha untuk meningkatkan kemahiran, sikap bekerjasama, menjalani gaya hidup yang sihat dan ciri-ciri kewarganegaraan yang baik. Sebaliknya, orientasi ego pula seringkali dikaitkan dengan fokus kepada pencapaian (keputusan), usaha untuk mendapatkan penghormatan diri serta status sosial yang tinggi di kalangan atlet. Selain itu, orientasi ego juga seringkali dikaitkan dengan matlamat untuk mengalahkan orang lain apabila melibatkan diri dengan sukan.

Duda (1989) mendapati atlet yang memiliki skor orientasi ego yang tinggi dan skor orientasi tugas yang rendah mengalami tahap kebimbangan paling tinggi sebelum dan semasa sesuatu perlawanan berlangsung. Atlet ini sukar untuk memberikan tumpuan kepada perlawanan dan sekaligus memberikan kesan kepada prestasi keseluruhan. Kenyataan ini disokong oleh Martens (1987) yang mendapati atlet yang terlalu tinggi tahap kebimbangannya tidak akan mencatatkan keputusan yang baik dalam pertandingan. Atlet ini seringkali gagal mencapai kejayaan kerana matlamat yang berorientasikan ego yang dimiliki memberikan tekanan kepada mereka. Ini akan meningkatkan tahap kebimbangan mereka dan sekaligus menyebabkan mereka hilang tumpuan sepanjang perlawanan. Kesannya, pencapaian mereka akan menjunam.

Remaja merupakan komponen masyarakat yang sangat penting. Persoalan mengapa sesetengah remaja memilih untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan,



mengapa sesetengah remaja berhenti dari meneruskan penglibatannya dalam sukan dan mengapa sesetengah yang lain itu tidak menyertai aktiviti sukan, merupakan beberapa persoalan yang sering mendapat perhatian para pengkaji sains sosial (Wann, 1997). Terdapat banyak sebab mengapa seseorang itu melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Alderman (1974) menekankan bahawa kajian mengenai motif utama penyertaan dalam sukan adalah satu cara berkesan bagi menyediakan persekitaran optima yang dapat menarik minat seseorang.

Penglibatan remaja dalam aktiviti sukan kini menjadi semakin popular. Kejohanan di peringkat sekolah semakin berkembang walaupun kini ia agak kurang diberikan keutamaan berbanding dahulu. Bagaimanapun semakin ramai remaja yang menyertai aktiviti sukan, semakin ramai jugalah yang tercicir atau menarik diri dari aktiviti sukan. Kajian yang dijalankan di luar negara mendapati bahawa penyertaan remaja dalam aktiviti sukan meningkat sehinggalah apabila mereka mencapai umur 13 tahun, di mana ramai yang akan menarik diri selepas itu (Brustad, 1993). Justeru itu, jika kita dapat memahami sebab atau motif penglibatan para remaja dalam aktiviti sukan, maka lebih mudah untuk membantu memenuhi kehendak dan tuntutan mereka itu.

Penyertaan dalam sukan oleh kaum lelaki dan wanita sudah lama terbentuk. Menurut Eccles dan Harold (1991), terdapat tiga cara individu dipengaruhi untuk menyertai sukan dan aktiviti fizikal iaitu faktor sosialisasi, situasi dan persekitaran. Faktor sosialisasi merujuk kepada proses interaksi antara individu. Dalam konteks sukan, pengaruh sosialisasi individu yang signifikan dalam kehidupan seseorang kanak-kanak lelaki dan perempuan mempengaruhi penglibatan mereka dalam sukan

(Greendorfer, 1992). Antaranya dorongan kuat ibubapa serta pengaruh saudara tua seperti abang atau kakak turut mempengaruhi penglibatan dalam sukan (Eccles & Harold, 1991).

Faktor kedua yang mempengaruhi penglibatan individu dalam sukan adalah faktor situasi dan persekitaran. Motivasi individu merupakan elemen terpenting yang menjelaskan tentang faktor situasi dan persekitaran. Antara perkara yang membentuk motivasi adalah penetapan matlamat.

Faktor terakhir yang mempengaruhi penglibatan dalam sukan adalah faktor personal. Menurut singer (1984), setiap individu mempunyai kemampuan serta tahap kemahiran tersendiri dalam sesuatu jenis sukan. Jesteru itu, cuma ada seorang sahaja Ronaldo, Andre Agassi, Carl Lewis, Florence Griffith Joyner dan Tiger Woods dalam sukan masing-masing.

Oleh yang demikian tumpuan kajian ini adalah mengkaji corak orientasi matlamat dan motif penglibatan atlet olahraga kategori Bawah 18 Tahun, Bawah 15 Tahun dan Bawah 12 Tahun Daerah Tambunan yang menyertai Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Gabungan Keningau Kali Ke-40 Tahun 2007. Pengetahuan mengenai kedua-dua pembolehubah penting motivasi ini akan memberi panduan yang berguna kepada semua individu yang terlibat dalam pembangunan sukan bagi menjadikan remaja Malaysia sebagai remaja yang mengamalkan gaya hidup sihat dan mengembalikan kecemerlangan sukan olahraga Negara Malaysia seperti di era 70-an dan 80-an.



2. Penyataan Masalah

Penglibatan remaja sekolah merupakan satu topik yang cukup popular serta menarik perhatian ramai dalam bidang sukan. Kejohanan di peringkat sekolah semakin berkembang walaupun kini agak kurang diberikan keutamaan seperti dahulu. Bagaimana pun semakin ramai kanak-kanak yang menyertai aktiviti sukan, semakin ramai jugalah yang tercicir atau menarik diri dari aktiviti sukan. Banyak kajian telah dijalankan untuk memahami fenomena ini. Antara persoalan yang sering kali menjadi isu pengkaji sains sosial seperti Wann (1997), ialah “mengapa sesetengah remaja memilih untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan, mengapa sesetengah remaja berhenti dari meneruskan penglibatannya dalam sukan dan mengapa sesetengah yang lain itu tidak menyertai aktiviti sukan”.



Menurut Gill (2000), corak orientasi matlamat adalah bergantung kepada bagaimana seseorang itu mendefinisikan kejayaanya. Individu yang mempunyai matlamat tugas akan lebih tertumpu untuk menguasai sesuatu kemahiran sementara individu yang beroientasikan ego akan menganggap ia telah berjaya sekiranya dapat mengalahkan individu lain.

Justeru itu, kajian bagi mengenali corak orientasi matlamat penyertaan seseorang akan dapat memberi gambaran jelas terhadap tahap penyertaan seseorang remaja dalam aktiviti sukan. Selain daripada mengenali corak orientasi matlamat atlet sekolah dalam sukan, mengenal pasti motif utama penyertaan dalam sukan juga merupakan satu cara berkesan bagi menyediakan persekitaran optima yang dapat menarik minat seseorang. Pengetahuan mengenai kedua-dua pembolehubah penting





motivasi ini akan memberi panduan yang berguna kepada semua individu yang terlibat dalam pembangunan sukan membawa inovasi dalam pembudayaan sukan sekolah. Ia juga dapat merangka program memperkasakan pembangunan sukan sekolah serta menghasilkan resolusi yang konkrit bagi menentukan arah tuju pembangunan sukan sekolah yang lebih relevan dan selaras dengan Dasar Sukan Negara.

Oleh yang demikian tumpuan kajian ini adalah mengkaji corak orientasi matlamat dan motif penglibatan atlet olahraga kategori Bawah 18 Tahun, Bawah 15 Tahun dan Bawah 12 Tahun Daerah Tambunan yang menyertai Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Gabungan Keningau Kali Ke-40 Tahun 2007.



3. Tujuan / Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk :

- a. Mengenalpasti corak orientasi matlamat atlet olahraga bawah 18 tahun, 15 tahun, dan 12 tahun di daerah Tambunan Sabah yang menyertai Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Gabungan Keningau Kali Ke-40 Tahun 2007.





- b. Mengenalpasti motif penglibatan atlet olahraga bawah 18 tahun, 15 tahun, dan 12 tahun di daerah Tambunan Sabah yang menyertai Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Gabungan Keningau Kali Ke-40 Tahun 2007.
- c. Mengenalpasti perhubungan corak orientasi matlamat antara dengan motif penglibatan atlet olahraga bawah 18 tahun, 15 tahun, dan 12 tahun di daerah Tambunan Sabah yang menyertai Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Gabungan Keningau Kali Ke-40 Tahun 2007.



4. Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif dan kepentingan kajian, persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Apakah corak orientasi matlamat atlet olahraga bawah 18 tahun, 15 tahun, dan 12 tahun di daerah Tambunan Sabah yang menyertai Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Gabungan Keningau Kali Ke-40 Tahun 2007.





- b. Apakah motif penglibatan atlet olahraga bawah 18 tahun, 15 tahun, dan 12 tahun di daerah Tambunan Sabah yang menyertai Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Gabungan Keningau Kali Ke-40 Tahun 2007.
- c. Adakah terdapat perkaitan corak orientasi matlamat dan motif penglibatan atlet olahraga bawah 18 tahun, 15 tahun, dan 12 tahun di daerah Tambunan Sabah yang menyertai Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Gabungan Keningau Kali Ke-40 Tahun 2007.



5. Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat mengenalpast faktor-faktor yang mendorong seseorang pelajar atau atlet untuk menceburkan diri dalam sukan olahraga iaitu sama ada faktor intrinsik seperti semangat berpasukan dan perkembangan kemahiran. Dari segi faktor ekstrinsik pula adalah seperti status / penghargaan dan ganjaran. Selaian daripada mengetahui faktor penglibatan dalam sukan kita juga dapat mengetahui corak orientasi matlamat seseorang atlet tersebut iaitu bercorakkan orientasi tugas atau orientasi ego.





6. Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sekitar daerah Tambunan Sabah semasa Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Gabungan Keningau. Empat daerah yang mengambil bahagian dalam kejohanan ini iaitu daerah Tenom, Nabawan, Keningau dan Tambunan sebagai tuan rumah pada tahun 2007 ini.

Responden kajian terdiri dari semua atlet daerah Tambunan yang terpilih untuk mewakili daerah Tambunan ke Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Gabungan Keningau Kali Ke-40 Tahun 2007 iaitu seramai 106 orang. Atlet yang menjawab soal selidik ini tanpa mengira jenis acara yang disertai.



Diharapkan subjek memberikan kerjasama semasa menjawab soal selidik bagi memperolehi hasil dapatan yang tepat untuk mengenalpasti corak orientasi matlamat dan motif penglibatan atlet dalam sukan olahraga.

7. Definisi Operasional

Berikut adalah definisi yang disediakan bagi membantu pemahaman istilah-istilah yang digunakan semasa menjalankan kajian ini.



7.1 Orientasi Matlamat.

Corak orientasi matlamat individu dalam berorientasikan ego atau tugas.

7.2 Motif Penglibatan.

Faktor-faktor yang menyebabkan seseorang melibatkan diri dalam sukan. Terdapat lapan faktor utama sebab-sebab seseorang melibatkan diri iaitu faktor pencapaian atau status, berpasukan, kecergasan, penggunaan tenaga, peningkatan kemahiran, rakan-rakan sebaya, keseronokan dan lain-lain faktor.

7.3 Sukan Olahraga.

Acara-acara olahraga yang boleh dibahagikan dalam dua kumpulan utama iaitu acara-acara balapan dan acara-acara padang. Semua acara balapan dijalankan di atas trek atau litar yang ditandakan. Acara-acara balapan termasuklah lari pecut, lari berganti-ganti, lari berpagar, lari jarak sederhana dan jauh serta berjalan kaki. Sementara itu acara-acara padang mengandungi acara lompatan dan acara balingan. Acara-acara lompatan adalah seperti lompat jauh, lompat tinggi, lompat kijang dan lompat bergalah. Sementara itu acara-acara balingan dalah seperti merejam lembing, melontar peluru dan melempar cakera.



7.4 18 Tahun Ke Bawah dan 15 Tahun Ke Bawah.

Atlet yang lahir pada atau selepas 1 haribulan pada tahun pertandingan untuk pelajar sekolah menengah.

7.5 12 Tahun Ke Bawah.

Atlet yang lahir pada atau selepas 1 haribulan pada tahun pertandingan bagi pelajar yang berada di sekolah rendah

